UTHM
اونيۏرسيتي تون حسين عون مليسيا
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia


Keselamatan Tanggungjawab Bersama Warga UTHM

PIAWAIAN KESELAMATAN PERANCAH (SCAFFOLDING)

Perancah Selamat, Kerja di Tempat Tinggi Lebih Terjamin

APA ITU PERANCAH?

Struktur sementara yang digunakan sebagai platform kerja dan akses selamat untuk melaksanakan kerja di tempat tinggi.



PIAWAIAN & PERUNDANGAN (TERKINI DAN RELEVAN)

- Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 **(Akta 514)**
- Peraturan-Peraturan KKP (Kerja Pembinaan) (Reka Bentuk dan Pengurusan) 2024
- Guidelines for the Prevention of Falls at Workplaces 2007 (JKKP)
- Guidelines for Approval of Design Scaffolding 2016 (JKKP)
- Piawaian Malaysia **MS 1462-4-1:2021** (Metal Scaffolding - Scaffolds - General Design (berasaskan EN 12811-1:2003)

KOMPONEN KESELAMATAN WAJIB

1. **Guardrail Atas** — Melindungi daripada jatuh dari tepi platform
2. **Midrail** — Perlindungan tambahan
3. **Toe Board** — Elak bahan jatuh
4. **Platform Kerja** — Stabil, kukuh dan tidak mempunyai jurang berbahaya
5. **Pengikat Perancah (Scaffold Tie)** — Mengelakan pergerakan/ketidakstabilan
6. **Akses Selamat** — Gunakan tangga atau sistem akses yang diluluskan
7. **Bracing** — Memberi kestabilan struktur
8. **Base Plate** — Mengagihkan beban ke permukaan sokongan
9. **Sole Board** — Mengagihkan beban pada tanah / permukaan

6 PERKARA UTAMA PERLU DIPERIKSA

1. **PERSONAL KOMPETEN** — Pemasangan, pengubahsuaian dan pembukaan perancah perlu dilakukan oleh personel yang terlatih dan kompeten.
2. **STRUKTUR STABIL** — Tapak kukuh, komponen lengkap, sambungan selamat, *bracing* dan *ties* dipasang mengikut reka bentuk.
3. **PERLINDUNGAN JATUH** — Pemasangan *Guardrail, Midrail, Toe board* dan *Platform* kerja mesti lengkap dan dalam keadaan baik.
4. **AKSES SELAMAT** — Gunakan tangga atau sistem akses. Jangan memanjat rangka perancah
5. **BEBAN SELAMAT** — Patuhi kapasiti beban yang ditetapkan. Jangan, menyimpan bahan berlebihan.
6. **PEMERIKSAAN** — Pemeriksaan oleh OYK sebelum digunakan, selepas pengubahsuaian, selepas cuaca buruk dan secara berkala.

5 LARANGAN UTAMA SEMASA MENGGUNAKAN PERANCAH




Menggunakan perancah yang tidak lengkap, rosak atau belum disahkan selamat.



Memanjat rangka perancah sebagai laluan naik dan turun.



Mengubah atau menanggalkan *guardrail, bracing, ties* dan komponen keselamatan tanpa kebenaran.



Melebihi kapasiti beban yang dibenarkan.



Menggunakan perancah ketika cuaca atau keadaan persekitaran membahayakan. Contoh: Angin kencang, hujan lebat.



PEMERIKSAAN PERANCAH

BILA PERLU DIPERIKSA?

- Selepas pemasangan siap dan sebelum penggunaan pertama.
- Secara berkala mengikut keperluan.
- Selepas pengubahsuaian atau perubahan struktur.
- Selepas cuaca buruk (hujan lebat / angin kencang).
- Selepas pelanggaran, kerosakan atau kejadian luar biasa.
- Apabila terdapat tanda ketidakstabilan atau kerosakan.

SISTEM TAG PERANCAH

Kawalan visual di tapak kerja.

SELAMAT DIGUNAKAN	PENGGUNAAN TERHAD	DILARANG DIGUNAKAN
Telah diperiksa dan disahkan sesuai digunakan.	Penggunaan hanya mengikut sekatan dan langkah kawalan khusus yang diluluskan.	Tidak selamat, belum lengkap atau sedang dipasang, diubah suai atau dibuka.

TANGGUNGJAWAB UTAMA

KONTRAKTOR	Pastikan reka bentuk sesuai. Gunakan personel kompeten. Sediakan HIRARC & kaedah kerja selamat. Kawal kawasan kerja.
PENYELIA	Lakukan pemantauan berkala. Pastikan pematuhan prosedur. Hentikan kerja jika tidak selamat.
PEKERJA	Ikut arahan keselamatan. Gunakan perancah dengan betul Laporkan sebarang kerosakan.

KOMITMEN UTHM

Persekitaran kerja dan pembelajaran yang selamat untuk warga kampus.

KKP Budaya Kita
Universiti Selamat, Warga Sejahtera

RUJUKAN LANJUT

- Akta 514 | Peraturan-Peraturan KKP (Kerja Pembinaan) 2024
- Guidelines for the Prevention of Falls at Workplaces 2007
- Guidelines for Approval of Design Scaffolding 2016
- MS 1462-4-1:2021 (berasaskan EN 12811-1:2003)

SAFETY IS EVERYONE'S RESPONSIBILITY

Infografik BAHAGIAN KESELAMATAN PEKERJAAN DAN PENGURUSAN STATUTORI

Global Technopreneur University 2030

https://oshe.uthm.edu.my

OSHE